

**NO. SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD. SAMAD**

**TARIKH : 30 MAC 2017**

**RUJUKAN : 9687**

**SOALAN:**

**Tuan Khalid Bin Abd. Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kes siasatan pembunuhan Datuk Shahrudin Ibrahim, Mantan Timbalan Ketua Pengarah Kastam Diraja Malaysia.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kes pembunuhan Timbalan Pengarah II, Jabatan Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim berlaku pada 26 April 2013 jam 8.15 pagi di susur keluar ke lampu isyarat, Lebuhraya Wawasan, Jalan P7G, Presint 7, Putrajaya. Dalam kejadian tersebut, mangsa telah ditembak sebanyak 3 das oleh 2 orang lelaki bermotosikal. Kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan.**

**Sehingga kini PDRM telah menangkap 9 orang suspek bagi membantu siasatan dan kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya untuk arahan lanjut. Walau bagaimanapun, pihak Timbalan Pendakwaraya mendapati tiada keterangan yang kukuh untuk menuduh suspek di Mahkamah. Pihak polis masih meneruskan siasatan untuk mencari petunjuk baru.**